

15 APR 2002

Agong-Persediaan (Bergambar)

PERSIAPAN PERTABALAN BERJALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Kerja menghiasi Istana Negara dan perkarangannya bagi upacara pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-12 Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada 25 April kini berjalan lancar.

Pegawai Perhubungan Akhbar Istana Negara Masnoor Ashaari berkata kerja penyenggaraan di Istana Negara telah bermula setelah tarikh pertabalan diumumkan pada 12 Mac lepas.

"Kerja seperti mengecat tiang lampu, menukar lampu perhiasan dan kerja lanskap di perkarangan Istana sedang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan hampir siap sepenuhnya," katanya ketika dihubungi di sini.

Masnoor berkata kakitangan istana juga sedang bekerja keras memastikan keadaan di dalam Istana, khususnya dalam Balairong Seri kemas dan teratur.

Selain itu pihak Istana juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan upacara pada hari berkenaan berjalan lancar, katanya.

"Kita kena pastikan tempat duduk bagi tetamu mencukupi dan mana-mana yang rosak harus diganti agar perjalanan upacara tidak terganggu," katanya.

Sementara itu menurut sumber DBKL, kerja mengindahkan sekitar ibu kota sempena upacara itu telah berjalan dengan pesat sejak minggu lepas dan dijangka siap dalam minggu ini.

Antara yang dilakukan ialah menambah pokok hiasan di sekitar jalan utama dan menukar lampu hiasan.

Beliau berkata DBKL juga akan mengadakan persembahan kebudayaan dan pertunjukan bunga api pada 27 April di Dataran Merdeka sebagai meraikan upacara tersebut.

Pemilihan Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 12 Dis tahun lepas.

Seri Paduka menggantikan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor yang mangkat pada 21 Nov tahun lepas.

-- BERNAMA

NM AHH NMO